

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pertempuran robot menakjubkan	Utusan Malaysia
2.	MTDC akan belanjakan RM163 juta dalam 2017 untuk tingkatkan aktiviti pengkomersialan	BERNAMA
3.	MTDC sasar lulus pembiayaan RM163j	Berita Harian
4.	MTDC belanja RM163j tingkat aktiviti komersial	Harian Metro
5.	River water bad, dam water dropping	The Star
6.	Dua pekerja kilang disyaki rogol jururawat	KOSMO

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 25 OKTOBER 2016 (SELASA)

Pertempuran robot menakjubkan

BERTAHAHAN atau Menyerah! Pertempuran robot bagi merebut gelaran juara Pertandingan Robot Tempur antara 40 pasukan telah menarik minat orang ramai untuk mengikuti secara dekat seterusnya menjiwai sains, teknologi dan inovasi (STI).

Berkonsepkan penghasilan robot tempur secara *hands-on*, peserta pertandingan robot tempur perlu mengaplikasikan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang teknologi wayarles dan reka bentuk yang meliputi ciri inovasi dan kreativiti. Program tersebut berlangsung selama empat hari bermula 12 hingga 15 Oktober lalu di Dewan Kompleks

Pekan Rabu, Kluang. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** berkata, kecekapan dalam bidang teknologi dan kemampuan mewujudkan teknologi baharu sangat penting jika Malaysia ingin mencapai kemajuan ekonomi yang lebih tinggi dan mengekalkan daya saing ekonomi dalam pasaran dunia.

"Memang menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang reka cipta dan inovasi yang masih belum diterokai," ujarnya. Yang turut hadir Pengarah Pusat Sains Negara, Mismah Jimbun.

Pertandingan Robot Tempur yang dianjurkan buat kali ke-

2 itu bertujuan meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap sains, teknologi dan inovasi (STI) terutama kepada pelajar, guru dan ibu bapa agar lebih berkeyakinan memilih bidang sains, teknologi kejuruteraan dan matematik (STEM) sebagai kerjaya masa hadapan selain meningkatkan tahap pemahaman ilmu sains dalam kalangan masyarakat.

Program kali ini merupakan acara kemuncak bagi aktiviti PSN Trooperz : Sains, Teknologi, Inovasi dan Robotik (STIR) yang dijalankan sepanjang tahun.

PSN Trooperz : STIR melibatkan empat komponen lain iaitu *Amphibious Electric Vehicle (My-AEV)*, Bengkel Robotik (MyBengkel), Malaysia Robotic Gamez (MyRobot), *Malaysia Indoor Solar Car (My-Solar)* dan acara kemuncak Pertandingan Robot Tempur Malaysia 2016 (MyCombat). Sebanyak 40 pasukan

daripada 31 institusi pengajian tinggi awam dan swasta, politeknik serta institut latihan perindustrian (ILP) seluruh negara bertarung menggunakan robot kawalan jauh.

Pertandingan Robot Tempur 2016 ini dianjurkan oleh MOSTI menerusi Pusat Sains Negara dengan kerjasama Myrobotz Enterprise.



MISMAM JIMBUN (kanan) mengiringi Abu Bakar Mohamad Diah melawat pameran robot.



(GAMBAR atas) pelbagai jenis robot yang dipertanding, manakala (gambar bawah) Abu Bakar Mohamad Diah tertarik menyaksikan kesungguhan PESERTA.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (berdiri lima dari kanan) bersama para pemenang pertandingan.



MTDC Akan Belanjakan RM163 Juta Dalam 2017 Untuk Tingkatkan Aktiviti Pengkomersilan

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- **Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)** akan membelanjakan sebanyak RM163 juta pada tahun depan untuk meningkatkan aktiviti pengkomersilan khususnya dalam sektor teknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Norhalim Yunus berkata peruntukan tersebut akan disalurkan kepada enam dana yang diuruskan MTDC termasuk Dana Pembangunan Teknologi Halal (Dana Halal) yang diperkenalkan pada April 2016.

"Angka itu adalah lebih tinggi daripada peruntukan tahun ini di mana hanya RM145 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11).

"Melalui Dana Halal, kami akan agihkan sebanyak RM10 juta menjelang akhir tahun dari baki sebanyak RM43 juta tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara lapan penerima geran MTDC dengan Pusat Sinergi Pembelian Surya Medika Pimpinan Pusat (PP) Muhammadiyah, Jakarta, Indonesia.

Pada majlis itu, Norhalim berkata MoU tersebut melibatkan pengedaran produk perubatan dan perkhidmatan di pasaran Indonesia.

"Kami juga berharap kerjasama ini akan menggalakkan pembangunan produk perubatan dan peralatan untuk memenuhi permintaan tempatan dan serantau," kata Norhalim.

Syarikat-syarikat terbabit ialah Foresight Industries Sdn Bhd, LadiY Healthcare Sdn Bhd, OSA Technology Sdn Bhd, Cell Tissue Technology Sdn Bhd, Farmasia Sdn Bhd, RVR Diagnostict Sdn Bhd, Medicfit Technology Sdn Bhd dan CALMS Technologies Sdn Bhd.

Pusat Sinergi Pembelian Surya Medika Pimpinan PP Muhammadiyah merupakan anak syarikat Kumpulan Muhammadiyah, organisasi Islam kedua terbesar di Indonesia yang mengoperasikan sebanyak 104 hospital.

MTDC, sebuah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Bhd, telah menjadi peneraju utama dalam pengkomersilan dan pengurusan dana kerajaan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4
TARIKH : 25 OKTOBER 2016 (SELASA)



[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

Norhalim (tengah) pada majlis menandatangani Mou antara lapan syarikat penerima dana MTDC dan Central Purchasing-Sinergi Surya Medika Pimpinan Pusat Muhammadiyah di Serdang, semalam.

MTDC sasar lulus pembiayaan RM163j

➔ Bantu tingkat aktiviti dagangan teknologi tempatan

Oleh Nurhayati Abllah
nurhayatiabllah@bh.com.my

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), anak syarikat Khazanah Nasional Bhd (Khazanah Nasional), menasarkkan kelulusan pembiayaan sebanyak RM163 juta menjelang tahun depan bagi meningkatkan aktiviti pengkomersialan teknologi tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus, berkata bagi tempoh sembilan bulan tahun ini, pihaknya sudah mengagihkan dana berjumlah RM102 juta kepada 22 syarikat secara berperingkat dalam tempoh dua tahun, berdasarkan pelan pelaksanaan.

Katanya, jumlah keseluruhan peruntukan dana tahun ini sebanyak RM145 juta dan menjelang akhir tahun ini, MTDC menasarkkan kelulusan pembiayaan kira-kira RM43 juta menerusi enam dana berkenaan.

"Pada tahun ini juga sejumlah

RM10 juta diperuntukkan bagi Dana Pembangunan Teknologi Halal yang baharu diperkenalkan April lalu.

Sambutan menggalakkan

"Sambutan terhadap dana itu setakat ini menggalakkan dan kami sedang mengenal pasti syarikat yang layak untuk menerima pembiayaan itu dan dijangka ia akan diluluskan paling awal bulan depan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara lapan syarikat penerima dana MTDC dengan Central Purchasing Sinergi Surya Medika Pimpinan Pusat Muhammadiyah, di Serdang, semalam.

Lapan syarikat berkenaan ialah Foresight Industries Sdn Bhd, LadiY Healthcare Sdn Bhd, OSA Technology Sdn Bhd, Cell Tissue Technology Sdn Bhd, Farmasia Sdn Bhd, RVR Diagnostic Sdn Bhd, Medicfit Technology Sdn Bhd dan CALMS Technologies Sdn Bhd.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Rumah Sakit Islam Jakarta,

Dr Prastowo Sidi Promono. Perjanjian itu membabitkan pengedaran produk perubatan dan perkhidmatan ke pasaran Indonesia.

Kerjasama strategik

Mengulas mengenai MoU itu, Norhalim berkata, ia adalah permulaan untuk kerjasama strategik bagi meningkatkan pembangunan teknologi perubatan serantau.

"Ia bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan nusantara. Selain itu, kerjasama berkenaan adalah inisiatif daripada MTDC membantu syarikat tempatan memperluaskan rangkaian pasaran mereka ke luar negara," katanya.

Sementara itu, Dr Prastowo berkata, pihaknya menghargai kerjasama itu kerana ia akan memberi manfaat kepada pembangunan perubatan di Indonesia.

"Selain membantu pengembangan produk dan perkhidmatan perubatan di Indonesia, kami juga dapat berkongsi manfaat teknologi yang diguna pakai di Malaysia," katanya.



Dana Pembiayaan MTDC

- ➔ Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF)
- ➔ Dana Pengambilalihan Teknologi (TAF)
- ➔ Dana Permulaan Perniagaan (BSF)
- ➔ Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF)
- ➔ Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (BEF)
- ➔ Dana Pembangunan Teknologi Halal

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 25 OKTOBER 2016 (SELASA)

MTDC belanja RM163j tingkat aktiviti komersial

Kuala Lumpur: Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) akan membelanjakan RM163 juta pada tahun depan untuk meningkatkan aktiviti pengkomersialan khususnya dalam sektor teknologi, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus. - BERNAMA

River water bad, dam water dropping

Low rainfall and higher usage of dam may cause rationing in Klang Valley

PETALING JAYA: While the authorities are grappling to contain the contamination that has shut down water treatment plants three times this month, they also have another problem on their hands.

The water level at the Sungai Selangor dam that supplies 60% of Selangor and Putrajaya's treated water is dropping fast and is now close to the 40% level which triggered water rationing two years ago.

The dam is now at 43.29%, dropping more than 6% in the past 15 days alone, according to data from the Selangor Water Management Authority (Luas).

On March 2, 2014, water rationing was imposed in the Klang Valley and Selangor on March 2 to May 1 after the water level dipped below 40%.

The critical level for the dam is 30%, and the current reading is far below the 82.58% recorded exactly a year ago.

"There's a risk of rationing if the level continues to drop," said Association of Water and Energy Research Malaysia presi-



dent S. Piarapakaran.

He cited two possible reasons for the rapid drop.

The first is the lower than average rainfall over the Sungai Selangor dam's catchment area.

The second is that a higher than normal rate of water is being released from the dam, to meet demand by treatment plants after the river contamination elsewhere. Piarapakaran said the Sungai

Selangor Phase 1 treatment plant was producing 10% more treated water than usual, while the Sungai Selangor Phase 3 plant was producing 30% more.

"If we don't get lots of rain soon,

the Klang Valley could end up with a situation similar to Mersing," he added, referring to the Johor town which was hit by a six-month long scheduled water supply exercise which only ended yesterday.

MetMalaysia brought no immediate cheer.

A spokesman said the inter monsoon period this month would see less rainfall.

In October last year, there was 100mm to 250mm below average rainfall, according to the department's website.

"However, the situation is expected to improve with more rains from early next month due to the arrival of the north-east monsoon," said the spokesman.

The north-east monsoon brings heavy rain not just to the east coast of Peninsular Malaysia.

West coast states, including Selangor, can also get as much as 20% to 60% above average rainfall.

Going with the flow:

Air Selangor workers using excavators to block the flow of water from the contaminated Sg Buah into Sg Semenyih.



For more stories:
See Star Metro

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 25 OKTOBER 2016 (SELASA)**

Dua pekerja kilang disyaki rogol jururawat direman

KAPIT – Dua pekerja kilang yang ditahan berhubung dakwaan merogol seorang jururawat desa di sini pada Sabtu lalu direman empat hari bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Kapit, Deputy Superintendan Freddy Bian berkata, kedua-dua suspek berusia 23 dan 26 tahun itu ditahan kerana mereka dipercayai menjadi individu terakhir bersama mangsa semasa hari kejadian.

“Polis meneruskan siasatan bagi mengetahui kejadian sebenar termasuk dakwaan kemungkinan mangsa keluar dengan indi-

vidu lain selepas berhibur dengan dua pekerja kilang itu,” kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut beliau, polis masih menunggu laporan (Jabatan Kimia) berhubung air mani ditemui pada mangsa dan kaitannya dengan kedua-dua lelaki yang direman.

“Sehingga hari ini (semalam) mangsa masih dirawat di Hospital Kapit kerana mengalami koyakan pada kemaluannya,” katanya.

Jururawat desa dirogol, dicampak tepi jalan

Keseronokan gadis berusia 22 tahun berhibur bersama dua lelaki baru dilawati di pusat barabek berakhir dengan peristiwa hilam

KERATAN Kosmo!
semalam.



JURURAWAT mangsa rogol.